

22/01/1997

Mahathir puas hati misi promosi MSC

Mustapha Omar in Tokyo

TOKYO, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan lawatan 10 harinya ke Amerika Syarikat dan Jepun bagi mempromosi Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurut Perdana Menteri, berdasarkan pertemuan dan perbincangan yang diadakan, ramai tokoh dan ketua eksekutif syarikat multimedia terkenal, menunjukkan minat terhadap MSC.

"Mereka nampaknya ingin menyertai projek ini dan sanggup menganggotai panel penasihat antarabangsa (IAP), badan penasihat yang kita namakan untuk memberi nasihat kepada kita berkenaan dengan teknologi maklumat.

"Di Jepun, sambutan begitu nyata. Penyertaan hampir semua syarikat besar jelas menunjukkan minat mereka," katanya dalam sidang akhbar pada akhir lawatannya ke sini, hari ini.

Syarikat-syarikat besar dan terkenal dalam bidang multimedia itu berperanan penting dalam MSC kerana dengan penyertaan mereka dalam projek itu, ia akan menggalakkan syarikat lain turut serta.

Walaupun jumlah syarikat yang benar-benar berminat menyertai MSC belum diketahui, banyak syarikat sudah berjanji akan mendaftar sebaik saja Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) membuka pendaftarannya Mac ini.

Antara syarikat Jepun yang menunjukkan minat untuk menyertai MSC ialah Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT), malah jika boleh syarikat itu mahu memulakan projeknya sekarang.

"NTT berminat membantu kerajaan mewujudkan Universiti Multimedia dan ia bercadang menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di kawasan MSC," katanya.

Dr Mahathir memulakan lawatannya di Los Angeles, sebelum mengunjungi Lembah Silikon di Santa Clara dan tiba di sini kelmarin. Beliau berlepas pulang malam ini dan dijangka tiba di Kuala Lumpur, awal pagi esok.

MSC bernilai RM5 bilion adalah zon khusus membabitkan kawasan 15 kilometer kali 50 kilometer dari Pusat Bandar Kuala Lumpur (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Antara ciri utama MSC ialah rangkaian gentian optik 100 peratus digital berkeupayaan di antara 2.5GB dan 10GB, yang disambungkan terus dengan negara Asean, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

Ia menawarkan perhubungan melalui satelit dan pembentukan sistem rangkaian padu dihubung terus ke Internet.

Turut dibangunkan dalam MSC ialah bandar Putrajaya, dan dalam lawatannya, Dr Mahathir mengadakan persidangan mengenai MSC kepada lebih 300 pelabur Amerika Syarikat di Universiti California, selain bertemu pemimpin masyarakat serta industri hiburan Beverly Hills.

Selain itu, Perdana Menteri juga menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian persefahaman (MOU) dan enam perjanjian usahasama membabitkan pelabur tempatan dan Amerika Syarikat.

Beliau juga sempat mengadakan pertemuan dan berdialog dengan kira-kira 400 pelajar dan masyarakat Malaysia yang menetap di California serta menyertai majlis terbuka puasa di Masjid al-Khatib.

Di San Francisco, beliau mempengerusikan mesyuarat pertama IAP yang dianggotai 30 tokoh dan pemimpin industri IT Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, Korea Selatan dan Eropah.

Antara mereka yang hadir ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Netscape, James Barksdale; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Oracle, Larry Ellison; Pengerusi, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sun

Microsystem, Scott McNealy; serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Hewlett Packard, Lewis Platt.

Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif Microsoft Corporation, Bill Gates dan Ketua Pegawai Eksekutif IBM, Louis Gerstner, yang bersetuju menganggotai panel berkenaan, tidak dapat hadir dalam mesyuarat di Universiti Stanford.

Selain itu, Perdana Menteri berucap di persidangan MSC yang dihadiri pelabur dan pelajar Universiti Stanford serta mengadakan pertemuan dengan sekumpulan eksekutif kanan syarikat berteknologi tinggi dari Lembah Silikon.

Ditanya mengenai kebimbangan beberapa syarikat kemungkinan wujud pilih kasih di antara syarikat yang melabur dalam MSC, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak akan berlaku.

"Sememangnya, semua orang mahu sesuatu perkara itu dibuat secara terbuka kerana takut berlaku pilih kasih. Sebab itulah kita terpaksa jumpa setiap orang dan jelaskan kepada mereka mengenai apa yang kita tawarkan," katanya.

Ditanya apakah mesyuarat IAP setahun sekali itu mencukupi sedangkan projek berkenaan hendak dilaksanakan segera, Perdana Menteri berkata pertemuan yang lebih kerap mungkin diadakan pada masa akan datang.

(END)